


# RUNTUHNYA BUKIT BAHASA



Mereka yang memulakan perang. Mereka jugalah yang mereka-reka cerita supaya peperangan itu terus marak. Dalam kemarakan api peperangan itulah bukit bahasa yang sudah berdiri megah berpuluh tahun itu mereka bedil. Tanah yang dahulunya subur di sekitar kota ini, kini sudah mula gersang dan kering-kontang kesan dentuman dan jilatan ledakan bom yang digugurkan oleh B-2 Spirit, B-1B Lancer dan B-52 H Startofortrees, yang selamanya pun tidak pernah tahu siapa-siapa sasaran yang ditujukan.

Robot-robot yang memandu kapal-kapal terbang pengebom itu pun sama, dia pun tidak pernah bertanya siapa yang kena bom dan tempat mana yang harus dibom. Mereka sebenarnya cumalah mesin teleoperator yang dikawal keupayaannya oleh kuasa anatomi yang sudah diset oleh sekelompok manusia kemaruk yang ada antaranya anak bangsa mereka sendiri yang sudah ditanam perasaan benci yang teramat terhadap bukit bahasa yang pernah dipertahankan oleh nenek moyang mereka.

Kasih para pejuang yang cuba mempertahankan bukit bahasa. Kini sudah dipasung perasaan. Mereka tertindas dalam peperangan mempertahankan kedaulatan bukit bahasa yang pernah menjadi lambang kemegahan bangsa Melayu. Mereka langsung tidak boleh bersuara. Diamlah mereka dalam kepanasan api peperangan, sehinggakan keringat yang bercucuran turun dari dahi sehingga hujung kuku kaki yang kadang-kadang terasa lebih panas daripada air kencing yang keluar dari pipa di bawah pusat mereka.

Badan mereka terketar-ketar mendengar tempikan kebencian beberapa orang jeneral yang warna kulit, muka, rambut dan bentuk tubuh badan mereka sama seperti mereka yang berdiri di barisan paling hadapan, hanya menunggu untuk mengeluarkan arahan menembak bukit bahasa itu.

Aduhhhh.....cukup memuakkan. Akan tetapi, siapalah kami yang berkuasa menentang semua kekejaman sang ketua yang sudah tenggelam dalam lumpur keegoan itu?

"Hoi, kami ketua kamu, biar kami yang fikir tentang nasib bukit bahasa ini."

Ketua Satu pernah menyebutkan hal itu kepada kami tidak berapa lama dahulu. Akhirnya atas desakan beberapa orang pengekornya, Ketua Satu menjadi keliru.

"Maaf, bukit bahasa itu perlu dimusnahkan kerana dalam era sains dan teknologi ini, bukit seperti ini sudah tidak lagi menguntungkan kita." Penghuni bukit bahasa yang sudah tinggal tidak berapa kerat lagi itu, hanya diam mendengar ucapan Ketua Satu yang sudah mula dirasak kegilaan. "Apalah maknanya bukit bahasa kalau

sudah tidak lagi menguntungkan kita. Bukit bahasa yang pernah kita sanjungi dahulu itu sudah jemu, sudah ketinggalan zaman dan sudah tidak relevan lagi dengan persekitaran pada masa ini. Kita perlu menggantikannya dengan satu lambang lain yang lebih sesuai dengan persekitaran global yang begitu mencabar untuk memajukan daerah ini. Kita perlu korbankan bukit bahasa ini untuk membina National Historic Landmark yang baharu sebagai mercu tanda yang lebih relevan dengan matlamat untuk melaksanakan misi nasional dengan disokong oleh model baharu ekonomi sebagai rangka dasar pembangunan bagi mencapai matlamat wawasan yang pernah kita impikan."

Ucapan Ketua Satu itu disambut dengan tepuk sorak yang gemuruh oleh sekumpulan manusia yang memang amat membenci akan bukit bahasa ini. Sekumpulan manusia lagi, juga turut bertepuk, walaupun mereka sendiri tidak faham matlamat sebenar ucapan Ketua Satu itu kerana fikiran mereka sudah berselaput selut kedunguan yang terlalu tebal.

Oooooooo....

Maka, bertempiran larilah kami, seperti anak kelekatu yang sudah hilang arah, ke setiap penjuru sekolah, mahkamah dan Parlimen. Ada orang yang meronta-ronta menangis sambil merayu-rayu dan menyembah-nyembah minta diselamatkan bukit bahasa, kerana itu sahalah peninggalan nenek moyang yang perlu dipertahankan. Pergantungan pada bukit bahasa sejak sekian lama itu rasanya akan terlepas jika ledakan bom pemusnah yang akan dilepaskan oleh Ketua Satu dan sekutunya benar-benar terjadi. Hairannya mereka juga seperti aku, berkulit sawo matang, tetapi sayang mereka tidak pernah dibekalkan dengan nilai sensitiviti untuk mencintai bukit bahasa yang menjadi milik mereka sendiri.

Siapalah kami? Para pejuang yang tidak pernah pun diberikan penghormatan yang sewajarnya. Pak Za'ba tentu menangis, jika dia melihat anak bangsanya sedang dirasuk kesedihan atas penghinaan seperti ini.

"Kamu semua tidak perlu terus menangis."

Para pejuang itu terdiam. Mereka serasa seperti sudah mendapat kembali semangat Za'ba. Meresap jauh ke lubuk jiwa.

Sebenarnya semangat tidak pernah terpisah jauh daripada kami.

"Cuma kami sedih kerana ada anak bangsa kami turut membenci bukit bahasa sendiri."

Nik boleh bercakap apa-apa sahaja yang dia suka. Itulah hakikatnya. Bahasa ketua mereka sudah terbalik. Suara ketua mereka sudah songsang. Mereka semua sudah lupa semangat semasa Keranda 152 diusung tidak lama dahulu. Perarakan mempertahankan bukit bahasa

*Takdir menentukan  
segala-galanya.  
Mereka harus tabah  
menghadapi detik  
kehancuran ini dengan  
berdikari kerana  
ketabahan itulah yang  
akan mengajar mereka  
dewasa, seperti kanak-  
kanak lain.*

yang dibuat dalam satu baris panjang itu, tiada lain matlamatnya cuma untuk mendaulatkan hak ibunda yang sudah dipancung leher maruahnya.

"Aku berjuang lebih teruk daripada itu."

"Benar kami juga cuba berjuang segigih itu."

Mail dan Semah sama-sama mengakuinya. Mereka pernah menangi berkali-kali kerana bukit bahasa sudah menjadi seperti ayam di kepuk mati kelaparan. Seperti itik di tasik mati kehausan. Mana mungkin hal sebegini terjadi, dalam kemegahan bukit bahasanya mencipta nama di seantero dunia, tetapi di tanah air sendiri menjadi terlalu sepi dan dibenci.

"Benarlah seperti kata pepatah, kera di hutan disusukan, anak di rumah mati kelaparan."

Pak Awang terkedu-kedu melagukan seloka yang tidak pernah pun menusuk rasa sesiapa.

baik budi emak si Randang  
dagang lalu ditanakkan  
tiada berkayu rumah diruntuh  
anak pulang kelaparan  
anak dipangku diletakkan  
kera di hutan disusui  
bahasa sendiri disisihkan  
bahasa orang diagung-agungkan  
bangsa sendiri ketinggalan  
bahasa orang tak kesampaian.

Sidi kemudiannya bangun sambil membetulkan lagaknya. Semua melihat Sidi. Ada yang bermata sinis tanda membenci. Sidi tidak peduli. Dia terus menyambung seloka Pak Awang sambil bertepuk tangan menari-nari, yang nampak di luarnya penuh keriang, tetapi di hatinya terburai tangisan yang mengecewakan.

Pandainya Pak Pandir  
anak dipijak dagang dijinjing  
kucing dibunuh tikus dibela  
bahasa bawaa nenek moyang digadai  
mendengar gelagat dagang  
mulut terlopong tak sedar diri bertelanjang  
mendengar guruh di langit  
air di tempayan dicurahkan  
mulut kena suap pisang  
buntut kena cangkuk onak  
gunting makan di hujung  
Pak Pandir juga yang menanggung  
pandainya Pak Pandir  
apa didengar hanya gelagak dagang  
gelagak rambutan jantan  
orang berbahasa dia berbahasa  
orang menyanjung bahasanya  
Pak Pandir membunuh bahasa sendiri  
kilat memancar hujan tak jadi  
bahasa awak juga berkecundangan  
bahasa orang awak beri tangan  
keturunan awak mati berangan.

Mereka tidak lagi mengharapkan tangan mereka dipimpin oleh ketua yang sedang berkeliaran di puncak bukit bahasa untuk mengorek terowong untuk memberikan laluan membina sebuah bukit bahasa lain, yang bagi mereka lebih tinggi darjatnya sebagai National Historic Landmark yang baharu.

Mereka juga tidak pernah lagi menanti tangan-tangan lembut ketua datang mendukung kerana mereka tahu, bahasa ketua mereka sudah goyah ketika berhadapan dengan perjuangan yang lebih besar daripada perjuangan datuk nenek mereka ketika bersembunyi di celah-celah runtunan batu penjajahan yang sudah lama hancur.

Mereka sedar semuanya. Usia muda mereka ini, sepatutnya bukan begini cara bermainnya. Permainan sorok-sorok bukannya di tengah ledakan bedilan bom kebencian bangsa sendiri atau di celah dentuman meriam ketidakadilan yang terbit daripada mulut manusia seketurunannya seperti ini.

Takdir menentukan segala-galanya. Mereka harus tabah menghadapi detik kehancuran ini dengan berdikari kerana ketabahan itulah yang akan mengajar mereka dewasa, seperti kanak-kanak lain.

Kami tidak akan marah kalau bukit bahasa dagang yang diimpikan oleh kebanyakan ketua tidak dijadikan

anak emas dengan keterlaluan. Kami juga tentu tidak akan marah kalau bukit bahasa yang menjadi kemegahan bangsa sejak beratus-ratus tahun tidak dihina sebegini rupa sehingga menjadi begitu terhina darjatnya dan dipermainkan-mainkan kedudukannya oleh bangsa kami sendiri.

Anak-anak itu boleh menangis sehabis-habisannya, mereka boleh menjerit sekuat-kuat hati, tetapi mereka tidak boleh menghalang kegilaan B-2 Spirit yang sudah diumumkan dendam atau kemabukan B-1B Lancer yang sudah lama mengidam untuk menghancurkan nadi bukit bahasa yang menjadi lambang kebangsaan bangsa atau kerakusan B-52 H Startofortrees yang diajar untuk melupakan nilai budaya bangsa kerana bukit bahasa itu kata mereka punca segala masalah untuk pantas bergerak ke persada global. Bukit bahasa itu kata mereka lagi menjadi penghalang perjalanan menuju wawasan impian yang daerah ini sedang tempuhi.

Biarkan sahaja perang itu terus menggilu.

Para pejuang cuma mampu menggelengkan kepala. Dahsyatnya tuduhan itu. Kasihan bukit bahasa, nasibnya selepas 60 tahun daerah ini merdeka rupa-rupanya terpaksa dilalui dengan penuh cabaran yang getir dan tidak menentu.

Sedihnya kerana Ketua Satu dan gerombolan yang bersekongkol dengannya terus membedil bukit bahasa semahunya. Kami percaya apa-apa yang mahu digambarkan oleh Ketua Satu tentulah, bukit bahasa yang kami gunakan beratus-ratus tahun ini, tidak dapat diharapkan lagi untuk membina kemajuan bangsa. Bukit bahasa sudah tidak mampu bersaing pada era kemajuan teknologi. Bukit bahasa sudah jumud dan tidak bergerak-gerak, malah bukit bahasa itu langsung tidak memiliki nilai komersial yang tinggi, seperti bukit bahasa lain yang lebih disanjung oleh mereka.

Siapa yang tidak sedih mendengar semua itu?

Mereka menuduh lagi, kami tidak akan maju jika terus-terusan bersekongkol dengan bukit bahasa yang tidak menampakkan unsur komersialnya itu.

Saranan mereka, kita mesti kikiskan segala kecintaan kita terhadap bukit bahasa, dan kita boleh taasub dengannya jika mahu maju seperti orang Barat.

Hairannya, kalau mengikut Nik, orang Jepun tetap maju tanpa membina pun sebuah bukit bahasa asing di sana. Orang Korea juga begitu. Malah orang Perancis, Jerman, Sepanyol, Rusia tidak pernah pun meletakkan National Historic Landmark mereka di atas bukit bahasa asing melebihi bukit bahasa mereka sendiri, tetapi tetap lebih maju daripada kita. Mengapa ya?

Hati siapa yang tidak marah. Jika percakapan tidak berlapik seperti itu keluar dari mulut celopar anak bangsa sendiri.

"Kakak, saya laparkan kebebasan."

Apakah yang boleh dijawab oleh seorang kakak yang terpaksa mengambil alih tugas ibunda yang sedang bertungkus-lumus bersama-sama ayah sejak sekian lama dahulu di kawasan pergunungan antarabangsa untuk mempertahankan bukit bahasa yang sudah diceroboh oleh orang gila.

"Sabar adik, nanti selepas kapal-kapal terbang itu pergi kita akan mencari makanan dalam rumah bahasa kita yang sudah roboh dibom itu."

Mana mungkin akan dapat kelazatan bahasa di bawah tudung saji bertutup rapat di dalam rumah yang sudah hancur. Kezaliman mereka yang tidak barmaruah terhadap bukit bahasa kita menjadi begitu rakus kerana kita sendiri yang membekalkan bom nuklear untuk memusnahkan bukit peninggalan nenek moyang kita itu.

Akhirnya bukit bahasa itu dibedil lagi.

Sidi, Pak Awang, Nik, Semah dan Mail, akhirnya terpaksa berhenti bercakap. Mulut mereka dikunci dengan mangga sebesar reban ayam. Tangan mereka diikat dengan tali sebesar serombong kapal. Mereka akhirnya menjadi letih begitu sahaja.

Cuma Jiz sahaja yang masih cuba berkokok kuat dalam ledakan bom dan mortar yang berbunyi di setiapi penjuru bukit bahasa itu. Akhirnya Jiz juga kalah dan tunduk dalam tempakan anak bangsa yang membenci bahasanya sendiri.

Dalam hatinya masih terpatih kukuh seloka emak si Randang:

baik budi emak si Randang  
dagang lalu ditanakkan  
tiada berkayu rumah diruntuh  
anak pulang kelaparan  
anak dipangku diletakkan  
kera di hutan disusui....

Sekali-sekali dalam nafas yang kembang Kempis itu Jiz cuba membacakan beberapa stanza puisi yang sempat dituliskannya dengan berlapikkan tinta air mata.

Siapalah Jiz. Dia akan terus dikalahkan oleh musuh-musuh yang sedang tidur sekelambu dengannya. Cuma bara api peperangan sahaja yang masih ada, tetapi kepanasannya sudah pun dimatikan buat selama-lamanya. Ketika itu dia sempat melihat sendiri ada ibu jari kanan diangkat menunjukkan tanda "best" di belakang pintu kemerdekaan yang pernah diperjuangkan oleh nenek moyangnya puluhan tahun lamanya. Cuma dia tidak pasti tangan siapakah itu, apa-apa pun yang nyata warnanya tidak sama dengan warna kulit tangannya.

Jiz terus terdiam di situ. **23**